

11/05/2003

Umno: Penyelamat ummah Melayu dulu, sekarang dan akan datang

KONSAINS (conscience) Yang Dipertua Umno dulu dan sekarang, saya tidak tahu apa yang akan berlaku masa depan seperti firman Allah SWT yang bermaksud; tiada siapapun yang tahu apa akan berlaku esok apalagi berminggu ke depan melainkan-Nya, saya agak murni - semata-mata bertekad bagi meningkatkan martabat dan kesejahteraan bangsa, agama dan watan.

Hari ini Umno genap berusia 57 tahun dan beribu-ribu ahli Umno dari seluruh negara berkumpul di Stadium Merdeka yang bersejarah itu (dapat diselamatkan daripada dirobuhkan kerana kegawatan ekonomi dan perubahan fikiran) bagi menyambut hari kelahirannya dan memperbaharui tekad dan iltizam untuk terus membela nasib, mengubah mindset (fikiran dan pendekatan) bangsa dan mempercepatkan pencapaian agenda negara: menjadi sebuah negara maju - First World (Dunia Pertama) dalam masa 17 tahun lagi.

Saya percaya saya betul membuat kesimpulan ini. Saya juga yakin Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi apabila diberi peluang mengambil alih jawatan Presiden Umno dan juga kerusi Perdana Menteri, akan meneruskan dan mengekalkan tradisi ini walaupun tidak membawa kita ke sempadan baru, era baru dan ke puncak yang lebih tinggi.

Waktu Umno ditubuhkan saya berumur lapan tahun, tinggal di sebuah kampung pedalaman Kelantan yang gelap gelita - saya mendapat bekalan elektrik, klinik, telefon dan jalan raya di beberapa kampung yang berjiran pada akhir 60-an dan kampung saya sendiri baru 33 tahun dulu.

Kerajaan Umno di pusat membawa pembangunan di kampung saya - Kampung Bandar, Pulai Chondong, Machang tidak jauh dari Kok Lanas, tempat rumah hinggap saya di Kelantan.

Semenjak saya boleh berfikir, saya telah dengar perbincangan di rumah, di surau, di sekolah, kedai kopi dan perjumpaan tentang perlunya Malaya mesti merdeka dan waktu itu di Kolej Melayu Kuala Kangsar (MCKK), saya mula menjadi aktivis kemerdekaan dengan beberapa kerat kawan. Majoriti pelajar, saya mesti bersikap adil dan wajar, lebih mementingkan pendidikan

dan mendapati Status-Quo selesai. Umno melalui Dato Sir Onn Jaafar, murid tua MCKK dan Presiden Umno, telah dapat mempengaruhi kerajaan Kolonial British untuk membuka pintu MCKK kepada semua anak Melayu yang pintar selepas Perang Dunia Kedua.

MCKK ditubuhkan pada tahun 1905 untuk memberi pendidikan kepada anak-anak Raja dan Orang Besar. Kalau tidak kerana dasar terbuka yang diperjuangkan Umno atau dalam istilah kini - demokrasi dalam pendidikan, murid seperti saya tidak akan berpeluang ke MCKK.

Pandang jauh ke depan

Pada hari bersejarah dan istimewa ini, Umno wajib menoleh ke belakang, amati dan reviu sejarah sementara memandangi ke depan, begitulah juga seharusnya individu hatta sebuah negara dan ummah pun.

Orang Melayu sekarang harus ingat dari mana mereka datang, di mana akar umbi, jangan hanya waktu balik kampung, masa Hari Raya Puasa baru insaf

asal-usul kita. Memperingati masa lampau, menghayati kebudayaan, agama dan

menjunjung tradisi (yang positif) seperti perjalanan pulang ke desa sebenarnya juga satu lorong menyahut cabaran masa yang mendatang.

Umno telah menyelamatkan, memerdeka dan memartabatkan kita (dengan kerjasama orang bukan Melayu, kita mesti terima hakikat ini, suka atau tidak) bukan ahli Umno saja - semua rakyat. Umno telah membawa dan mempertahankan demokrasi yang dinikmati kini hingga pencabarnya, Pas menguasai dua buah kerajaan negeri. Inilah kekuatan Umno sebenarnya - mengembangkan demokrasi walaupun demokrasi itu terus mengancam kedudukannya, politiknya. Pada satu masa yang panjang, Umno memonopolikan

politik dan kuasa. Berapa lama Umno terus kekal sebagai parti perdana dan

berkuasa terletak pada kebijaksanaan pucuk kepemimpinan Umno, mengolah dasar, agenda dan sasaran parti dalam sebuah negara yang terus meningkat maju, dalam era yang cepat berubah dan tuntutan globalisasi dan ilmu pengetahuan IT yang tercanggih. Lebih setengah abad Umno telah lulus ujian

itu. Saya yakin Umno akan terus berubah menyesuaikan dengan kehendak zaman

dan cita rasa ummah Melayu.

Cabaran bagi Umno adalah dalaman: politik wang, cantas mencantas, dendam, tamak, salah gunakan kuasa, curang dan etika yang tercela yang dilakukan oleh segelintir orang Umno yang menconteng arang dan memberi gambaran tidak menarik kepada parti. Syukur Alhamdulillah, mereka ini tidak mewakili majoriti ahli dan pemimpin Umno pada keseluruhannya sesuai

dengan situasi dalam masyarakat Melayu.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah merayu dan menangis memujuk ahli Umno bahkan semua Melayu agar berubah dan jangan membenarkan agama dan bangsa kita disubvert (dimusnahkan) oleh unsur-unsur yang negatif, memecah

belah, merugikan apalagi yang mengaibkan.

Umno amat berjasa: dari tiada Kelas Menengah dan Profesional Melayu kita

sekarang mempunyai satu kelas yang boleh menggugat kuasa tradisional melalui pemikiran dan kuasa ekonomi mereka. Memanfaatkan Umno dari Kelas Menengah, hasil Dasar Ekonomi Baru adalah tugas dan matlamat Umno kini dan

kemuka. Kelas Menengah akan meningkat jadi Menengah Atas - struktur sosial

bangsa Melayu berubah begitu cepat, kita akan melihat perubahan besar pada

pertengahan pertama abad 21.

Rakyat di luar bandar kian dibandarisasikan, kalau tidak mereka berhijrah ke bandar raya, kota dan di pusat-pusat industri. Mereka juga mesti menjadi matlamat Umno, bukan sekadar Kelas Profesional dan Menengah

Atas dan bawah. Tenaga perburuhan mesti didekati. Saya percaya dan yakin Umno tidak akan lari daripada tugasnya dan akan terus berjaya memberangsang dan meraih sokongan rakyat. Umno, Insya-Allah, tidak akan mengalami dan melalui sejarah Parti Kongres di India, Golkar di Indonesia,

Kuomintang di Taiwan, Parti Komunis di Russia. Sebaliknya Umno akan terus gagah seperti PAP di Singapura dan Parti Komunis di China.

Bekas wartawan BH dan BM berkampung

Semalam, ramai bekas wartawan akhbar ini berkumpul di The Summit Subang

Jaya bagi menubuhkan Persatuan Bekas Wartawan Berita Harian dan Berita Minggu, akhbar yang kini berusia 47 tahun menjelang bulan Ogos depan. Perjumpaan ini dianjurkan oleh Dr Alias Mohammad, walaupun kini seorang bisnes yang berjaya dia masih mendekati penulisan dan kewartawanan serta kawan-kawannya.

Kerjaya kewartawanan saya bermula pada bulan Mei 1957 di Straits Times, akhbar yang berprestij dan berpengaruh zaman itu (masih mengekalkan kedudukannya walaupun tidak sehebat dulu), iaitu tiga bulan sebelum Berita Harian diterbitkan. Waktu saya mula kerja, hanya ada dua wartawan Melayu di Straits Times - Dahari Ali (lepas itu jadi Wakil Rakyat Umno di Parlimen bagi kerusi Kuala Selangor pada tahun 1959-64 dan terus berkhidmat dengan NST sehingga bersara, telah kembali ke Rahmatullah) dan Mustapha (lupa nama penuhnya) di Kuala Lumpur. Seorang di Pulau Pinang, lainnya terdiri daripada British (hatta pemberita pun), Cina, Serani dan India.

Kehadiran Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob di perjumpaan ini penuh bermakna, satu penghormatan. Khalil satu tahun di bawah saya di MCKK. Dalam kehidupan, kita harus berjaya dan memberi sumbangan bakti kepada watan, agama dan bangsa sebaik mungkin. Survival, matlamat yang terpenting dalam apa keadaan pun; Khalil 'survive' sebagai diplomat, Menteri Besar Pahang dan kini Menteri pula. Masa depannya, saya kira terus cerah idamannya saya tahu, tetapi saya tidak boleh berkongsi dengan anda buat sementara waktu.

Oleh kerana persatuan ini menggunakan nama Berita Harian, saya berharap Dr Alias dan kawan-kawannya menjaga nama baik akhbar yang terus berkembang dan maju. Walaupun saya tidak pernah berkhidmat dengan Berita Harian, saya kini menjadi kolumnis Berita Minggu. Selepas pulang dari Amerika Syarikat tahun 1962, saya menulis di akhbar itu beberapa kali. Pertalian saya dengan Berita Harian lama dan kini lebih erat kerana kedua-dua akhbar sekarang di bawah kawalan saya.

Ingatkah anda - akhbar adalah draf pertama sejarah sesebuah negara, bangsa dan agama.

Mamasan

Jumaat malam di sebuah kondo yang termewah di tingkat 20, saya dan isteri bersama beberapa tokoh korporat yang berjaya diraikan oleh seorang tokoh korporat bukan Melayu yang lebih berjaya lagi dan seorang korporat Eropah: Jumlah lapan Melayu, tiga Cina, satu Eropah. Semua lulusan universiti luar negara, termasuk isteri dan suami masing-masing.

Di Kuala Lumpur, kalau di sesetengah kawasan atau kondo, tiada biasa

kemudahannya seperti di apartmen di Fifth Avenue New York atau townhouse di Kensington Greens di London.

Apapun selepas makan, si cerdik yang berjaya ini berbisik kepada saya, langsung berpantun;

Melayu baru mula langkah berwawasan,
Bila sudah kaya mulalah cari mamasan;
Kerana mahu tebus nama, buka yayasan,
Selepas bisnes lingkup, minta kerajaan
bagi pampasan.
Tepuk dada tanya selera.